



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI

KENYATAAN MEDIA

KEPUTUSAN PERMOHONAN KEMASUKAN KE UNIVERSITI AWAM (UA) LEPASAN STPM/SETARAF SESI AKADEMIK 2023/2024

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) ingin memaklumkan bahawa keputusan permohonan melanjutkan pengajian ke Universiti Awam (UA) peringkat Sarjana Muda lepasan STPM/Setaraf bagi Sesi Akademik 2023/2024 diumumkan pada **7 September 2023 (Khamis)**.
2. Keputusan boleh disemak mulai **7 September 2023 (Khamis), jam 12.00 tengah hari hingga 16 September 2023 (Sabtu), jam 5.00 petang** melalui platform seperti berikut:
 - (a) Melalui Aplikasi mobile UPUPocket di telefon pintar.
 - (b) Secara atas talian melalui pautan;
 - I. <https://jpt.utm.my>
 - II. <https://jpt.uum.edu.my>
 - III. <https://jpt.unimas.my>
 - IV. <https://jpt.ums.edu.my>
 - V. <http://jpt.umt.edu.my>
3. **Pengesahan setuju terima/tolak tawaran** akan bermula pada **8 September 2023 (Jumaat) hingga 16 September 2023 (Sabtu)** melalui laman web UA masing-masing. Surat tawaran akan dikeluarkan oleh UA kepada calon yang berjaya mulai **8 September 2023 (Jumaat)** setelah calon membuat pengesahan setuju terima tawaran dalam tempoh yang dinyatakan.
4. Pemilihan kemasukan calon kategori STPM/Matrikulasi/Asasi/STAM adalah berdasarkan **prinsip meritokrasi** dengan mengambil kira 90% pencapaian akademik dan 10% pencapaian kokurikulum. Manakala, pemilihan bagi calon kategori Diploma/Setaraf adalah berdasarkan 100% pencapaian akademik.
5. Berdasarkan prinsip meritokrasi tersebut, semua calon yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira kaum, agama, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal diberikan peluang untuk mengikuti pengajian di UA.

6. Kejayaan calon untuk memperoleh tawaran bergantung kepada susunan merit, memenuhi Syarat Am dan Syarat Khas program pengajian, diperaku temu duga dan/atau ujian bagi program yang menetapkan syarat yang demikian, kekosongan tempat dan keutamaan pilihan program pengajian di UA yang telah dipohon.
7. Sebanyak **1,098** program pengajian sarjana muda telah ditawarkan bagi sesi kali ini.
8. Terdapat **89,102** tempat disediakan kepada calon lepasan STPM/Setaraf di 20 UA yang melibatkan **72,772** tempat melalui **UPUOnline®**. Manakala, **16,330** tempat lagi disediakan kepada calon *feeder* melalui saluran UA masing-masing.
9. Hanya calon yang mengemukakan permohonan **UPUOnline®** melalui <https://upu.mohe.gov.my/> sahaja telah dipertimbangkan.
10. Jumlah permohonan **UPUOnline®** yang diterima bagi Lulusan STPM/Setaraf adalah sebanyak **118,143** calon dengan **70,156** calon telah berjaya memperolehi tawaran.
11. Sejumlah **24,846** calon lelaki dan **45,310** calon perempuan telah berjaya ditawarkan tempat. Kadar kejayaan lelaki adalah **73.94%** berbanding perempuan **73.49%**.
12. **Tawaran Laluan Khas** secara keseluruhan adalah sebanyak **36,365** dengan pecahan tawaran iaitu **35,892** calon kategori B40, **192** Orang Kurang Upaya (OKU), **181** Atlet dan **100** Orang Asli.
13. Peratus calon Bumiputera yang berjaya adalah sebanyak **72.69%** daripada keseluruhan calon Bumiputera yang layak. Manakala calon bukan Bumiputera yang berjaya adalah **78.70%** daripada keseluruhan calon bukan Bumiputera yang layak.
14. Sejumlah **5,442 (84.11%)** daripada **6,470** tempat melibatkan **119** program pengajian dalam bidang Pendidikan & Latihan Teknikal & Vokasional (TVET) telah dipenuhi oleh calon di empat (4) Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) iaitu Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).
15. Selain itu, sejumlah **36,463 (91.17%)** daripada **39,994** tempat melibatkan **673** program pengajian dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan & Matematik (STEM) telah dipenuhi oleh calon di **20** Universiti Awam.

16. Tawaran tempat bagi Sesi Akademik 2023/2024 adalah **MUKTAMAD** dan sebarang permohonan pertukaran program pengajian dan UA **tidak dibenarkan**.
17. Manakala kepada calon yang tidak berjaya adalah dipelawa mengemukakan permohonan rayuan melalui UPUOnline® di URL berikut: <https://upu.mohe.gov.my> dalam tempoh **10 hari mulai 7 September 2023 (Khamis), jam 12.00 tengah hari sehingga 16 September 2023 (Sabtu), jam 5.00 petang**. Dasar pemilihan rayuan adalah tertakluk kepada kekosongan tempat yang ditawarkan mengikut program pengajian selepas pendaftaran pelajar baharu selesai dilaksanakan.
18. Sebarang pertanyaan berkenaan permohonan rayuan UPUOnline® boleh diajukan ke Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA (BKPA), Jabatan Pendidikan Tinggi secara terus melalui:

No tel : 03 – 8870 6605 / 5086 / 6121
Emel : upu@mohe.gov.my
Sistem Maklum Balas : <https://jpt.mohe.gov.my/maklumbalas/>
UPUChat : <http://upu-chat.ml/UPUChat/>
19. Kementerian mengucapkan **SYABAS DAN TAHNIAH** kepada calon yang berjaya. Selamat melanjutkan pengajian ke menara gading.

**JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
7 SEPTEMBER 2023**